



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

MESYUARAT JAWATANKUASA SERANTAU KE-75 BAGI PASIFIK BARAT, PERTUBUHAN KESIHATAN SEDUNIA

YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah menyampaikan kenyataan negara bagi pihak Malaysia pada Mesyuarat Jawatankuasa Serantau Ke-75 bagi Pasifik Barat (WPRCM), Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) hari ini di Manila, Filipina.

WPRCM bertujuan untuk membincangkan isu-isu berbangkit; cabaran dan halangan; menerima usul atau cadangan baharu berkaitan dasar kesihatan sejagat; serta merangka strategi dan penyelesaian yang bersesuaian. WPRCM juga merupakan satu forum serantau di mana negara anggota berbincang dan menerima pakai dasar atau strategi yang diputuskan di peringkat WHO.

WPRCM Ke-75 kali ini membincangkan isu dan resolusi yang telah dipersetujui pada Persidangan Kesihatan Sedunia Ke-77 (WHA77) yang telah berlangsung dari 27 Mei hingga 1 Jun 2024, selain membincangkan cadangan agenda bagi WHA Ke-78 yang dijadualkan pada bulan Mei 2025.

Antara perkara berbangkit bagi Rantau Pasifik Barat yang bakal dibincangkan sepanjang WPRCM Ke-75 adalah seperti berikut:

- Daya tahan iklim di fasiliti kesihatan;
- Penjagaan kesihatan primer yang transformatif (*Transformative primary health care*);
- Pembiayaan kesihatan;
- Kesihatan mulut;
- Kesihatan digital;
- Laporan kemajuan program-program teknikal; dan
- Usaha koordinasi dan kepimpinan.

“Saya juga telah menyarankan dalam mesyuarat ini bahawa penguatkuasaan yang mapan amat penting untuk mengekang epidemik penggunaan produk tembakau dan e-rokok di Malaysia. Saya optimistik bahawa Akta Kesihatan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 yang baru sahaja berkuatkuasa akan memperkasa lagi usaha ini. Undang-undang ini juga dimaksudkan untuk bergerak selari dengan Konvensyen Rangka Kerja Kawalan Tembakau WHO (WHO FCTC), seterusnya memperkukuh lagi usaha kita untuk memupuk persekitaran dan gaya hidup yang lebih sihat untuk semua.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
21 OKTOBER 2024